



## **KENYATAAN MEDIA BANTUAN KEWANGAN KHAS PENDIDIKAN ANAK**

PUTRAJAYA, 10 Disember 2019 – Kakitangan B40 Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) menerima sumbangan Bantuan Kewangan Khas Pendidikan anak dalam satu majlis penyerahan ringkas di sini hari ini.

Sumbangan yang disampaikan Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran itu bertujuan untuk meringankan bebanan pendidikan anak-anak serta perbelanjaan harian ditanggung ibu bapa yang secara langsung akan membantu mereka dalam menjalankan tanggungjawab kerja dengan lebih tenang dan fokus.

Kula Segaran dalam ucapannya memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada KWPSM di atas dana sumbangan yang diberikan.

Katanya, Kementerian sentiasa prihatin dan mengambil berat kesukaran yang dialami oleh golongan yang kurang berkemampuan.

“Sumbangan ini diharapkan dapat sedikit sebanyak membantu pendidikan anak-anak mereka dan meningkatkan kesejahteraan keluarga. Pemberian bantuan ini amat besar ertinya kepada yang memerlukan khususnya dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi semasa dengan harga barangan meningkat,” katanya.

Menerusi sumbangan yang disalurkan dari inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat KWPSM berkenaan, seramai 190 kakitangan yang terdiri daripada pekerja am, anggota RELA, pekerja penyelenggara, pengawal keselamatan serta pekerja pembersihan KSM dan KWPSM yang layak akan mendapat manfaat tersebut.

**-TAMAT-**

**Untuk Pertanyaan Media :**

**Seri Azriana (Pn.)**

Komunikasi Korporat  
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber  
Manusia (KWPSM)  
[sazriana@hrdf.com.my](mailto:sazriana@hrdf.com.my)

**Siti Na'imah (Cik.)**

Komunikasi Korporat  
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber  
Manusia (KWPSM)  
[sitinaimah@hrdf.com.my](mailto:sitinaimah@hrdf.com.my)